



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (52)

Tarikh : 28 Oktober 2015

SIARAN MEDIA

RM24.1 juta bagi pemulihan Projek Apartment Kelisa Ria

Kajang, 28 Oktober 2015 - Y.B. Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyempurnakan majlis penyerahan kunci projek terbengkalai Apartment Kelisa Ria pada petang ini.

2. Projek Apartment Kelisa Ria telah dipulihkan dengan peruntukan sebanyak RM 24.19 juta dari Kerajaan Persekutuan bagi 5 blok bangunan terdiri 500 unit rumah pangsa kos rendah. Kerja pemulihan telah dimulakan pada 24 April 2013 dan berjaya siap dengan Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 12 Ogos 2015. Kontraktor untuk kerja pemulihan ialah Imej Warisan Sdn. Bhd yang dipilih berdasarkan tender terbuka.

3. Projek ini telah diisytiharkan sebagai Projek Perumahan Terbengkalai oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada 16 Mei 2011. Pemaju asal Syarikat T.J Plaza Sdn. Bhd. telah dikenakan perintah penggulungan syarikat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 16 Mac 2012. Hall Chadwick Corporate Advisory Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai pelikuidasi syarikat bagi mengurus dan mentadbir perjalanan dan hal ehwal syarikat.

4. Projek Apartment Kelisa Ria adalah sebuah projek perumahan swasta yang dimajukan di Mukim Hulu Langat, Daerah Kajang, Selangor oleh syarikat T.J Plaza Sdn. Bhd. di atas tanah milik syarikat tersebut. Kerja pembinaan telah bermula pada tahun 2003 dan sepatutnya siap pada tahun 2006. Namun begitu, pemaju projek telah menghadapi masalah kewangan dan aliran tunai yang seterusnya telah menyebabkan projek terhenti. Semasa terhenti pemajuan adalah 75%.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : pro@kpkt.gov.my